

ISU PELAJAR IKAT PERUT



Kamarul Arifin (dua kanan) dan Fatimah sibuk melayan pelajar yang membeli nasi baiet di Shah Alam, semalam.

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Nasi RM4 jadi pilihan

» Suami isteri jalankan perniagaan tak tumpu untung, mahu ringan beban pelajar

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Simpati dengan masalah kesempitan wang dalam kalanngan pelajar universiti, sepasang suami isteri mengusahakan penjualan nasi baiet di Universiti Awam (UA) sekitar Lem-

bah Klang sejak seminggu lalu.

Kamarul Arifin Ehsan, 37, yang sebelum ini mengusahakan perniagaan pastri, tidak kisah walaupun perniagaan nasi baiet itu hanya dapat menampung modal, duit minyak dan tol, asalkan ia dapat membantu pelajar yang memerlukan.

Selain UA, beliau dan isterinya, Fatimah Nur Ahmad Rami, 30, turut bercadang menjualnya kepada pelajar universiti swasta sekitar Lembah Klang pada harga serendah RM4 bagi nasi berlauk dan sebungkus minuman.

Idea mula konsep

Kamarul Arifin berkata, idea untuk menjual makanan murah tercetus apabila mendengar sendiri rintihan ahli keluarga terdekat yang mengalami kesempitan wang ketika melanjutkan penga-



Nasi baiet dan minuman yang dijual pada harga RM4 satu set.


jian, khususnya untuk menambah perbelanjaan membeli makanan.

"Tujuan kami menjalankan perniagaan nasi baiet ini bukan kerana mahu mengaut keuntungan tetapi lebih kepada membantu pelajar supaya mereka tidak perlu mengikat perut untuk makan kerana kesempitan wang.

"Tidak dinafikan harga makanan, terutama di kawasan yang didiami pelajar agak mahal tetapi mereka tiada pilihan dan terpaksa membelinya," katanya ketika ditemui di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini, semalam.

Kamarul Arifin berkata, dengan harga serendah RM4 sebungkus, nasi baiet mampu meringankan beban pelajar, terutama mereka yang kurang berkemampuan mengisi perut, selain tidak mengganggu tumpuan pada pengajian.

Pasangan itu mengeluarkan modal kira-kira RM1,000 sehari untuk membeli bahan mentah di pasar borong sebelum dimasak



dengan dibantu beberapa pekerja dalam kalangan ahli keluarga sendiri.

"Sejak mulakan konsep nasi baiet ini seminggu yang lalu, saya menerima tempahan yang cukup memberangsangkan daripada pelajar yang majoritinya mencari alternatif lain untuk mendapatkan makanan pada harga yang lebih murah.

"Secara purata, saya menerima tempahan kira-kira 300 bungkus sehari," katanya.

Guna laman sosial

Pasangan itu mempromosi usaha mereka dan menerima tempahan menerusi WhatsApp.

"Kami menggunakan kenderaan utiliti sukan (SUV) untuk mengagihkan makanan yang sudah dibungkus itu ke semua universiti terbabit," katanya.

Selain di UiTM, Kamarul Arifin turut menjual nasi baiet di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Selangor (UNISEL).